

12/06/2002

Bantuan Switzerland selesai banyak kes: TPM (HL)

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, jaminan Switzerland untuk membantu Malaysia dalam siasatan berhubung jenayah kewangan membabitkan wang yang disimpan atau dipindahkan melalui negara itu, termasuk kes Perwaja Steel, dijangka mampu menyelesaikan banyak kes jenayah berkenaan di negara ini.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan meminta bantuan Switzerland membekukan akaun rakyat Malaysia di bank negara itu yang disyaki diperolehi secara haram sebagai langkah awal bagi membendung kemungkinan wang itu disalahgunakan untuk menaja kegiatan yang boleh mengancam negara.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan khuatir kemungkinan ada kumpulan yang mempunyai rancangan yang boleh membahayakan negara, mempunyai wang simpanan di Switzerland.

Berikutan itu, katanya, adalah penting bagi kerajaan memastikan sumber kewangan kumpulan itu dibekukan supaya tidak digunakan untuk membiayai kegiatan keganasan dan seumpamanya.

Dalam hubungan ini, beliau menganggap persetujuan Kerajaan Switzerland, khusus Presidennya, Kaspar Villinger, untuk membantu Malaysia sebagai satu kejayaan yang baik hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu.

"Ini kerana kita tidak mahu Switzerland menjadi tempat menyimpan wang yang diperolehi secara tidak sah.

"Kita mahu ada maklumat supaya ini dapat jadi bukti kepada mereka yang perlu dibawa ke mahkamah untuk dikenakan perbicaraan dan dijatuhkan hukuman atas kesalahan yang dilakukan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu (JKP) Pulau Pinang di Sheraton Langkawi Beach Resort di Teluk Nibong di sini, hari ini.

Semalam, Switzerland memberi jaminan akan membantu Malaysia dalam siasatan kes Perwaja dan kegiatan jenayah kewangan yang membabitkan wang yang disimpan atau dipindahkan melalui negara itu.

Jaminan itu diberikan Villiger pada mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara di Bern, Switzerland sempena lawatan rasmi Dr Mahathir.

Pada sidang akhbar bersama Dr Mahathir, Villiger memberi jaminan dan komitmen untuk membantu Malaysia atas permintaan Kuala Lumpur dalam siasatan kes Perwaja yang sedang rancak dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Ditanya sama ada kerajaan ada mengesan kumpulan yang menaja keganasan mempunyai simpanan di bank Switzerland, Abdullah berkata:

"Persetujuan yang diperolehi Perdana Menteri adalah persetujuan pada peringkat dasar sempena lawatan beliau dan kesempatannya menemui Presiden Switzerland.

"Lain kali bila terdapat sesuatu perkara yang kita memerlukan kerjasama kerajaan Switzerland dalam hal ini, tentulah kita dapat hubungi mereka."

Bagaimanapun, katanya, jaminan kerajaan Switzerland untuk membantu pihak berkuasa negara ini dalam apa kes sekali pun dianggap sebagai baik dan akan mempercepatkan tindakan yang perlu diambil.

"Saya bercakap pasal tindakan umum yang berkaitan dengan perkara ini sama ada ia nanti ada hubung kait dengan kes tertentu di Malaysia. Itu bergantung kepada bagaimana kes itu dikendalikan.

"Kalau kes itu dikendalikan dan didapati ada wang berupa pendapatan daripada kegiatan jenayah, maka kita boleh meminta kerjasama dan bantuan

Switzerland. Saya tidak komen khusus kepada mana-mana syarikat," katanya.

Ditanya adakah kerajaan akan mendapatkan semula wang yang disimpan di bank Switzerland daripada sumber tidak sah, Abdullah berkata, ia bergantung kepada kes kerana ia tidak spesifik.

"Yang penting persetujuan daripada kerajaan Switzerland telah pun kita peroleh dan apa juga bentuk bantuan daripada beliau mengikut undang-undang yang ada, saya percaya akan dapat kita peroleh.

"Itu prinsipnya. Jangan pergi kepada perkara spesifik (kerana) benda spesifik macam-macam boleh berlaku," katanya.

Mengenai persoalan bagaimana usaha itu boleh berkesan sedangkan bank di Switzerland memiliki tahap kerahsiaan mutlak, beliau berkata:

"Tak tahulah (tetapi) tentulah ada sesuatu. Kalau sesuatu perkara yang dikenal pasti dah benar-benar bersabit dengan jenayah, takkan mereka tidak boleh bantu kita," katanya.

(END)